

16/12/1998

Dua senator minta PM segera lantik timbalan

DUA ahli Dewan Negara hari ini meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik segera Timbalan Perdana Menteri bagi memulihkan keyakinan rakyat dan dunia luar terhadap negara ini.

Senator Datuk Zainudin Maidin, ketika membangkitkan perkara itu berkata pelantikan segera juga perlu untuk memulihkan krisis keyakinan rakyat terhadap kepemimpinan negara.

"Keyakinan rakyat terhadap sistem perundangan negara, polis, parti pemerintah malah ulama, perlu dipulihkan dan ia dapat diselesaikan dengan pelantikan Timbalan Perdana Menteri.

"Sekurang-kurangnya apabila pelantikan dibuat perebutan (merebut jawatan ini) tidak begitu besar lagi," katanya ketika membahaskan Belanjawan 1999 di Dewan Negara, hari ini.

Zainudin berkata, persoalan utama ialah keyakinan orang Melayu sendiri terhadap kemantapan politik terjejas kerana sehingga kini, tidak ada lantikan dibuat.

Berikutan itu, katanya, media asing menggunakan ketiadaan pelantikan berkenaan untuk membuktikan dakwaan mereka bahawa Perdana Menteri hendak berkuasa terus-menerus.

Mengenai kualiti mereka yang bakal dilantik Zainudin berkata, kriteria yang keterlaluan tidak semestinya menjamin pengekalan dalam jawatan berkenaan.

"Kita ada melantik pemimpin yang mempunyai kualiti kepemimpinan untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri tetapi seperti yang diketahui, ia masih tidak layak untuk mengisi jawatan itu," katanya.

Mengenai kronisme dan nepotisme, Zainudin berkata, budaya itu tidak salah kerana ia berjaya membantu ramai orang Melayu mencapai kejayaan.

"Apa yang perlu ialah memperbaharui budaya agar keadilan sosial dilaksanakan dan tidak wujud monopoli dalam memiliki kekayaan negara," katanya.

Senator Abu Bakar Ismail yang turut meminta pelantikan segera berkata, Perdana Menteri tidak perlu menunggu sehingga selesai pemilihan Umno Jun depan untuk melantik timbalannya.

Menurutnya, pemimpin yang dilantik Perdana Menteri akan mendapat sokongan padu daripada komponen Barisan Nasional dan rakyat negara ini.

"Ini kerana pelantikan timbalannya adalah hak Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan yang dipilih oleh rakyat," katanya.

Abu Bakar berkata, rakyat sebenarnya menyedari hak itu dan Dr Mahathir sepatutnya boleh melaksanakannya tanpa ragu-ragu.

"Biarlah keputusan melantik timbalan presiden Umno ditentukan oleh parti tetapi dalam kerajaan, ia adalah hak Perdana Menteri," katanya.

(END)